

|            |                                  |             |                     |
|------------|----------------------------------|-------------|---------------------|
| Headline   | MEMPISANG SESUAI JAM POKOK HASAN |             |                     |
| MediaTitle | Harian Metro                     |             |                     |
| Date       | 31 May 2016                      | Color       | Full Color          |
| Section    | Agro                             | Circulation | 1,270,667           |
| Page No    | 7                                | Readership  | 3,812,000           |
| Language   | Malay                            | ArticleSize | 193 cm <sup>2</sup> |
| Journalist | N/A                              | AdValue     | RM 7,574            |
| Frequency  | Daily                            | PR Value    | RM 22,722           |



## MEMPISANG SESUAI JADI POKOK HIASAN

### SEKILAS

**Pisang**-pisang batu, pepisang bukit atau mempising berasal dari Semenanjung Malaysia. Ia boleh didapati di Perak, Negeri Sembilan, Melaka, Pahang, Selangor dan Johor. Pokoknya bersaiz kecil, tinggi sehingga 10 meter. Bentuk sudurnya bulat, rimbun dan bercabang banyak manakala kulit kayunya hitam.

Ranting serta serpihan kayunya berbau seperti timun. Daun berbentuk lonjong serta tajam di bahagian hujung dan berukuran enam hingga 14 sentimeter (sm) panjang manakala lebarnya 2

hingga 5 sm.

Bahagian bawah daun berwarna hijau muda dan berbulu halus seperti baldi manakala bahagian atasnya berwarna hijau gelap dan licin.

Sejenis bunga kecil keluar secara tunggal atau berkelompok pada ranting kecil di aksil daun yang berwarna kekuningan.

Buahnya berbentuk bujur panjang, keluar secara gugusan iaitu satu hingga 10 biji. Kulit buahnya licin berbulu halus padat seperti baldi.

Buah yang muda berwarna hijau dan kekuningan selepas masak. Pulpa buahnya berjus dan melekat pada biji yang keras. Setiap buah



mengandungi dua hingga 15 biji benih.

Bahagian luar dan dalam kulit buahnya hampir menyerupai kulit pisang dan berbau wangi seperti pisang. Buahnya berjus dan boleh dimakan segar dengan rasanya manis atau dimasam-masam manis.

Pokoknya yang rendah dan buahnya yang kekuningan sesuai dijadikan pokok hiasan taman dan lebuh raya. Buahnya juga menjadi makanan kegemaran haiwan seperti kelawar dan tupai.

Sumber: **Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM)**.